



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3834
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Ruj. Kami: KPKK(R)100-1/5/4Jld.2(19)

Tarikh : 17 Mac 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN DI AGENSI KERAJAAN SEMASA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN**

Izinkan saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 di seluruh negara melalui perutusan khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Justeru, semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan penjawat awam diperingatkan supaya memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan diambil untuk melindungi aset di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan masing-masing.

..2/-

3. Sebagai persediaan untuk mengelakkan sebarang risiko keselamatan, semua peraturan dan tindakan yang termaktub di dalam Arahan Keselamatan dan arahan-arahan lain yang ditetapkan hendaklah dilaksanakan seperti Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Perlindungan di Agensi Kerajaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan yang dilampirkan.


4. Besarlah harapan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan semua penjawat awam dapat sama-sama bertanggungjawab dan sentiasa peka serta berwaspada dalam memastikan keselamatan perlindungan di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing melindungi aset sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan serta keselamatan terjamin sepenuhnya.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SALLEHUDDIN BIN HASSAN)

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

s.k.:

1. **YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN DI AGENSI KERAJAAN SEMASA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN**

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan sebagai panduan Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) bagi mengawal aset dan dokumen Kerajaan serta personel di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa.

2. LATAR BELAKANG

Garis Panduan ini boleh dijadikan sebagai rujukan oleh semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan penjawat awam semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa bagi memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan diambil untuk melindungi aset di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan masing-masing. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya insiden kehilangan, kecurian, kebocoran dan sebagainya sehingga boleh menjejaskan pentadbiran dan kesinambungan perkhidmatan Kerajaan.

3. PROSEDUR KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, semua Ketua Jabatan atau Pegawai Keselamatan Jabatan hendaklah mengambil langkah-langkah keselamatan perlindungan seperti berikut:

- 3.1 Menentukan penjadualan dan penggiliran Pegawai Bertugas mengikut keperluan perkhidmatan penting;
- 3.2 Memberi kebenaran secara bertulis kepada pegawai yang mempunyai keperluan khusus untuk membawa dokumen atau maklumat rahsia rasmi dalam media storan keluar pejabat seperti di Lampiran A;
- 3.3 Mengarahkan semua pegawai dan kakitangan memastikan tempat bertugas masing-masing dalam keadaan baik dan selamat sebelum meninggalkan pejabat;
- 3.4 Memastikan semua aset, bahan-bahan rasmi, dokumen rasmi dan rahsia rasmi disimpan dan dikunci dengan selamat mengikut arahan ditetapkan;
- 3.5 Mengarahkan semua pegawai dan kakitangan *log off* komputer dan memastikan semua media storan telah disimpan serta dikunci dengan selamat mengikut peraturan ditetapkan;

- 3.6 Memastikan peralatan keselamatan seperti CCTV, Penggera Ceroboh, Penggera Kebakaran dan lain-lain peralatan keselamatan berfungsi dengan baik;
- 3.7 Memastikan sistem perhubungan berfungsi dengan baik bagi mendapatkan bantuan teknikal apabila berlaku sebarang kecemasan;
- 3.8 Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan atau peralatan yang dirancang hendaklah dikawal selia secara optimum; dan
- 3.9 Memperketatkan sistem kawalan keselamatan dengan melaksanakan rondaan, kawalan dan pemeriksaan teliti serta melaporkan sebarang insiden atau kegiatan yang mencurigakan terus kepada Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan.

4. INSIDEN PELANGGARAN KESELAMATAN

Sekiranya berlaku sebarang insiden pelanggaran keselamatan seperti kecurian, kehilangan, kebocoran dan sebagainya semasa Perintah Kawalan Pergerakan, Ketua Jabatan atau Pegawai Keselamatan Jabatan hendaklah menyiasat punca berlakunya insiden tersebut. Laporan Polis hendaklah dibuat sekiranya disyaki sesuatu kesalahan jenayah telah berlaku.

5. AKTA DAN PERATURAN

Penentuan garis panduan ini adalah berdasarkan kepada peruntukan yang termaktub di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

6. PENUTUP

Garis panduan ini mengandungi prosedur kawalan keselamatan perlindungan kepada Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) untuk dijadikan rujukan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ketua Jabatan hendaklah menentukan supaya garis panduan ini dipatuhi untuk menjamin keselamatan aset dan dokumen Kerajaan. Sekiranya Jabatan memerlukan khidmat nasihat berkaitan perkara ini hendaklah menghubungi:-

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
E-mel: awareness_cgso@cgso.gov.my
Tel: 03-88726064

LAMPIRAN A

**BORANG KEBENARAN MEMBAWA DOKUMEN ATAU MAKLUMAT RAHSIA RASMI
KELUAR PEJABAT**

BIL	NAMA PEGAWAI	TAJUK DOKUMEN	PERINGKAT (PENGELASAN)	TANDATANGAN KETUA JABATAN	TARIKH	CATATAN